



KENYATAAN MEDIA

KKDW PERUNTUKAN 12.6 JUTA UNTUK USAHAWAN LUAR BANDAR SARAWAK

KOTA SAMARAHAN, 2 FEBRUARI – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDw memperuntukkan RM12,665 juta membabitkan 8,188 penerima untuk program pengukuhan keusahawanan dan pembiayaan kewangan usahawan luar bandar di negeri ini.

Antara bantuan berkenaan ialah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) Tahun 2024 kepada 39 penerima berjumlah RM6,536 juta menerusi Majlis Amanah Rakyat, MARA

Program Keusahawanan Negeri Sarawak Tahun 2024 dari Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, RISDA kepada 537 penerima berjumlah RM3,832,500.

Jabatan Kemajuan Masyarakat, KEMAS Negeri Sarawak melalui Program Pembangunan Komuniti dan Kemahiran kepada 7,606 penerima berjumlah RM1,407,500.00; dan

Bahagian Usahawan Desa, KKDw menyalurkan pembiayaan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) kepada (6) enam penerima berjumlah RM889 ribu.

Bantuan berkenaan diberikan pada program Mini Karnival Usahawan Desa@Kota Samarahan yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Program berkenaan menyediakan ruang kepada usahawan luar bandar dalam memasarkan produk jualan melalui jualan langsung, pemadanan dan rancangan perniagaan selain mempromosikan produk dan perkhidmatan Kementerian dan agensi.

Menurut Zahid melalui peruntukan dan bantuan yang diberikan ini, kemajuan dan potensi ekonomi desa khususnya di Negeri Sarawak dapat ditingkatkan berdasarkan kesesuaian persekitaran tempatan.

“Bagi memajukan industri dan ekonomi desa sebagai pemangkin ekonomi baru negara, terutamanya dalam industri primer dan hiliran - KKDW akan mewujudkan insentif yang menarik untuk pelabur luar melabur di kawasan perdesaan di dalam negara.” katanya

Tambah beliau bagi memastikan pembangunan keusahawanan desa seiring dengan dasar yang telah ditetapkan, Kementerian pada tahun ini memperuntukkan dana berjumlah lebih RM200 juta bagi memastikan perancangan dan strategi bersepadau seperti latihan, sokongan dana dan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi perkembangan usahawan desa dapat disediakan.

Kementerian katanya, akan sentiasa melipatgandakan usaha untuk membantu usahawan meningkatkan kualiti produk dan prestasi jualan agar usahawan desa dalam kategori PICO yang berniaga bagi tujuan sara diri sahaja boleh beralih kepada kategori MIKRO dengan jualan tahunan boleh mencapai sehingga RM300 ribu setahun.

“Dalam hal ini, saya mahu mengangkat taraf usahawan desa agar tidak tertumpu pada aktiviti ekonomi tradisional sahaja seperti bertani, menoreh

getah dan nelayan kecil dan sebagainya, tetapi saya mahu lebih ramai warga desa terlibat dalam perniagaan bertaraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan mengeluarkan produk yang lebih kreatif dan berinovatif.”

Mini Karnival Usahawan Desa@Kota Samaraham di Halaman Samaraham dijangka menerima kira-kira 30 ribu pengunjung dengan sasaran transaksi jualan berjumlah RM300 ribu sepanjang empat hari penganjurannya.

Lebih 100 usahawan luar bandar yang terlibat adalah dalam kategori makanan dan minuman, pakaian, kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan produk pertanian.

Mini KUD@Kota Samaraham juga melibatkan pameran KKDW dan agensi yang memfokuskan kepada keusahawanan, pendidikan, TVET@KKDW dan penawaran kemudahan pembiayaan perniagaan.

-TAMAT-

Disediakan Oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
2 Februari 2024